



imago

a. latiff mohidin

# Pamiran grafik anak Alam

studio anak alam taman budaya kl. 2hb dis-16dis1974

“jenerasi kami adalah wadah kegiatan dan kesanggupan di mana idea dan imajinasi seniman diterapkan dengan kejujuran dan sifat kebenaran.”  
— manifestasi jenerasi anak alam.

TAMAN budaya, di persiaran Tun Dr. Ismail, adalah sebuah rumah yang terpercil dari kesibukan-kesibukan lalu-lintas dan sengketa bisin mesin-mesin. Di sini tinggal beberapa orang pelukis dan penyair dari kumpulan ‘Anak Alam’ di antaranya Latiff Mohidin. Sekaligus rumah itu merupakan Studio Anak Alam dengan manifestasinya yang tersendiri.

Walaupun rumah ini letaknya agak terpercil, tapi ia tidak terpercil dari kehidupan kota itu sendiri. Di rumah inilah pada 2—16 dis. 1974 yang lalu diadakan ‘Pamiran Grafik Anak Alam’.

Lebih dari 40 orang peserta ikut dalam pamiran ini dengan karyanya yang berbagai-bagai bentuk dan teknik. 13 orang dari mereka pelajar dari

MARA. Teknik dan bentuk yang digunakan mereka termasuklah kolaj, tintawarna, gurisan, lino, cungkulan kayu sebeb mungkin disertakan pula dengan bahan-bahan yang anih-anih, pelik dan mistirius bagi menyatakan kecintaan mereka terhadap alam.

Sesuai dengan konsep dan namanya, maka lukisan-lukisan *Anak Alam* ini cuba berkomunikasi dengan alam, melahirkan rasa kecintaan mereka terhadap keindahan di sekelilingnya, misalnya pada karya-karya Imago (Latiff Mohidin) Ruang Pengabdian II (Mustapha Ibrahim), Muara Sungai Kelantan (S. Zainon Ismail) Cakap-cakap (Zainuddin Jamil) juga karya-karya lain lagi dengan judul-judul seperti Pemandang-

an, Nature in Law, Alamku, Menuju Kelam, Frankfurt dan lain-lain lagi kesemuanya oleh Mohammed Abdullah, Salehuddin Mohammad, Normah Nordin, Tajudin Ismail, Zafaruddin Zainuddin, Mali Munji, Ahmad Ghazie Ibrahim, Syarifah Fatimah Zubir dan lain-lain. Sebelum pamiran grafik pertama ini diadakan, *Anak Alam* telahpun ikut dalam berbagai-bagai aktiviti keseniman sejak bulan Jun 1974 yang lalu mereka telah memberikan beberapa sumbangan kepada perkembangan kesenian di Ibu Kota Kuala Lumpur, antaranya *Hari Alam*, *Hari Puisi Ketiga*, *Drama Pemburu Perkasa* dan *Pembacaan Puisi Perseorangan A. Ghafar Ibrahim*.

Kebanyakan dari kegiatan-kegiatan ini pada lahirnya tidak ada hubungan



muara sungai kelantan  
siti zainon ismail



cakap-cakap  
zainuddin jamil

anak  
alam:  
ingin  
menerapkan  
kebenaran  
dan  
kejujuran  
pengalaman  
yang  
mereka  
alami

dengan senilukis. Tapi mengikut kata Latiff "Pelukis-pelukis zaman ini kami kira tidak patut memencilkan daerah imajinasinya, tetapi mereka mesti cuba mendalami secara fizikal mahupun visual daerah-daerah seni lain. Dan ini kita lihat dari kumpulan Anak Alam sendiri misalnya telah lahir beberapa orang penulis puisi yang mempunyai bakat yang baik. Penglibatan ini adalah penting dan menggembirakan sekali kerana ianya telah menambah pengalaman kami sebagai pelukis," demikian kata Latiff.

Pamiran Anak Alam kali ini nampaknya hanya menumpukan kepada seni grafik sahaja. Dan ini juga penting tambahan pula Studio Anak Alam yang kecil ini tidak dapat hendak menampung sekiranya hendak diadakan satu pamiran besar-besaran.

Dalam masa bercakap-cakap dengan Sdr. Latiff tentang kenapakah pamiran grafik yang dipilihnya sebagai pamiran pertama di Studio Anak Alam, beliau tidak dapat memberi jawapan yang pasti kenapa hanya grafik yang dipilih. Mungkin kata A. Latiff sebab mesin getahnya telah

dipindahkan ke Studio Anak Alam. Dan seni gurisan (*etching*) khasnya seni cetakan adalah satu cabang seni yang baru dan amat ghairah diikuti terutamanya di waktu ini dalam kegiatan seni kontemporari bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia. Dan mungkin secara praktikal sebuah pamiran khusus lukisan arca belum dapat diadakan kerana ruang studio ini masih kecil untuk menampung pamiran dari kumpulan pelukis-pelukis ini.

PAMIRAN ini juga memperlihatkan bagaimana usaha mereka yang sungguh-sungguh terhadap menerapkan kebenaran dan kejujuran yang mereka alami. Dan ini bersesuaian dengan manifestasinya bahawa mereka adalah wadah kegiatan dan kesanggupan. Kejayaan kumpulan ini masih terlalu awal untuk diperkatakan tetapi sudah cukup pada peringkat pertama ini kita ikut menyaksikannya dan menyaksikan lagi pamirannya yang sering akan diadakan di masa-masa hadapan.

— wan omar ahamed



ruang pengabdian ii  
mustapha ibrahim

